

Dr. Mahathir tinjau projek pelancongan di Sungai Kilim

UM - 2 SEP 2003

LANGKAWI 1 Sept.— Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berada di Sungai Kilim untuk meninjau projek pembangunan dan produk pelancongan di sini ketika bekalan elektrik di lima negeri termasuk pulau Langkawi mula terputus kira-kira pukul 10 pagi ini.

Beliau yang menaiki bot menyusuri hutan paya bakau, singgah di pelantar yang mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar milik tokoh korporat, Tan Sri Halim Mohamad untuk melihat perkembangan projek itu.

Beliau juga menyaksikan ratusan helang menyambar makanan, iaitu salah satu produk pelancongan yang menarik perhatian pengunjung ke Langkawi. Dr. Mahathir kemudiannya singgah di Beras Terbakar di Padang Matsirat dan bekalan elektrik terputus buat kali kedua ketika beliau sedang membeli kain pelikat di salah sebuah gerai di situ.

Kali pertama bekalan elektrik terputus kira-kira pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari dan putus semula kira-kira sejam kemudian sebelum pulih kembali selepas beberapa minit.

Dr. Mahathir juga sekali lagi meninjau projek pembangunan Harbour Park Langkawi dan Marina di Pantai Kok, walaupun telah berbuat demikian petang semalam.

Projek tiga fasa yang berkonsepkan Mediterranean itu menyediakan pelbagai kemudahan untuk pelancong termasuk sebuah marina yang boleh menempatkan 100 kapal layar, hotel dan kawasan perumahan.

Dr. Mahathir yang ditemani isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali turut meninjau tahap kemajuan pembinaan dua blok tambahan Galeria Perdana di Kilim.

Beliau meluangkan masa kira-kira setengah jam untuk meninjau projek membabitkan

kos RM24 juta, yang kini sedang dalam pembinaan bagi membolehkan cenderahati Perdana Menteri ditempatkan secara lebih sistematik.

Blok baru yang mula dibina sejak Februari tahun lalu itu jelasnya, akan menempatkan surau, kedai cenderahati, kafetaria* dan kemudahan makmal untuk menjalankan kerja pembersihan cenderahati dan sebuah auditorium dengan 150 tempat duduk.

Projek yang menggunakan 124 tenaga kerja termasuk 22 pekerja yang didatangkan khas dari Uzbekistan itu kini mencapai 98.5 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya pertengahan bulan ini.

Turut mengiringi beliau ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Datuk Anwar Abdul Rahman.